



**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
[RAYUAN JENAYAH NO. B-05-267-09/2014 (IRN)]**

ANTARA

MORTEZA HOSSEINKHANI MOSTAFA ... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA ... RESPONDEN

**[DIDENGAR BERSEKALI DENGAN RAYUAN
JENAYAH NO. B- 05-268-09/2014 (IRN)]**

ANTARA

SOMAYEH JAVADIANKOUTENAEI MANSOUR ... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA ... RESPONDEN]

KORAM

**MOHTARUDIN BAKI, HMR
VARGHESE GEORGE VARUGHESE, HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI, HMR**

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Perayu pertama Morteza Hosseinkhani Mostafa (“Morteza”) dan perayu kedua Somayeh Javadiankoutenaei (“Somayeh”) yang merupakan suami isteri warganegara Iran telah dituduh atas kesalahan mengedar dadah berbahaya dan pertuduhan terhadap mereka adalah berikut:



“Bahawa kamu, bersama-sama pada 7 September 2012, lebih kurang jam 8.45 pagi di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1 (CPP1), Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di dalam daerah Sepang, di dalam negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine anggaran seberat 5323 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama, yang dibaca bersama seksyen 34 Kanun Kesiksaan.”

[2] Di akhir perbicaraan kedua-duanya didapati bersalah dan dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam. Ini ialah rayuan mereka terhadap sabitan. Setelah mendengar hujah kedua belah pihak, kami sebulat suara menolak rayuan kedua-dua perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman terhadap mereka.

[3] Fakta kes secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada masa kejadian, perayu-perayu dilihat berjalan menuju ke kawasan pemeriksaan kastam KLIA sambil menarik bagasi masing-masing. Kedua-dua bagasi didaftar masuk atas nama Somayeh. Apabila bagasi-bagasi ini melalui mesin pengimbas, terdapat imej-imej yang mencurigakan pada skrin. Perayu-perayu diarah untuk membuka bagasi masing-masing, tetapi Morteza bertindak membuka kedua-duanya sekali dengan menggunakan nombor-nombor kombinasi.

[4] Setelah bagasi-bagasi dibuka, pihak kastam menjumpai 2 helai tuala dari bagasi Morteza dan 2 helai tuala dan 3 helai pakaian dari bagasi Somayeh. Tuala-tuala dan pakaian-pakaian ini berada dalam keadaan keras, seolah-olah telah direndam dengan kanji dan apabila dipicit dan digoncang, serbuk berwarna putih mula jatuh berderai.

[5] Keempat-empat helai tuala dan tiga helai pakaian tersebut dihantar untuk ujian kimia dan telah disahkan mengandungi dadah



berbahaya jenis Methamphetamine seberat 1519.3 gram. Dibawah seksyen 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 (“ADB”), barang siapa yang memiliki 50 gram atau lebih dadah jenis ini tanpa kebenaran sah hendaklah dianggap (*shall be presumed*) sebagai mengedar dadah tersebut, kecuali dibuktikan sebaliknya.

[6] Ini bermakna elemen pengedaran tidak perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan kerana beban pembuktian diletakkan oleh undang-undang di bahu tertuduh untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa dadah tersebut bukanlah untuk tujuan pengedaran tetapi untuk tujuan lain selain dari pengedaran.

[7] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua perayu dan seterusnya memanggil mereka untuk membela diri. Beliau berpuas hati bahawa pemilikan (*possession*) dan niat bersama telah dibuktikan terhadap kedua-dua perayu. Dalam mencapai dapatan-dapatan ini, hakim bicara menyatakan seperti berikut:

“This fact was consistent with possession of the items found in the bag by both the accused. Since both the accused were husband and wife, had travelled together to Malaysia and had items of clothing in each other’s bag it could be inferred that they had a common intention to bring all the items in the bag into Malaysia.”

[8] Apabila dipanggil untuk membela diri, kedua-dua perayu memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Dalam pembelaannya Morteza menuduh pihak kastam yang telah meletakkan dadah tersebut ke dalam bagasi-bagasi mereka semasa melakukan pemeriksaan. Dengan lain perkataan mereka telah dianiaya oleh pihak kastam. Apabila disoal kenapa pihak kastam perlu berbuat demikian, jawapan Morteza ialah



pihak kastam ingin menutup kehilangan barang kemas milik Somayeh berikutan pemeriksaan yang dijalankan.

[9] Pembelaan Somayeh pula ialah dia tidak hadir semasa pemeriksaan bagasi dijalankan dan tidak tahu bagaimana dadah tersebut boleh dijumpai di dalam bagasinya. Walaubagaimanapun, dia mengesahkan bahawa semua barang-barang di dalam bagasinya dimasukkan oleh Morteza dan dia sendiri tidak ada memasukkan apa-apa barang ke dalam bagasi tersebut. Jelas bahawa perayu kedua menyalahkan perayu pertama atas kehadiran dadah tersebut.

[10] Hakim bicara telah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan kedua-dua perayu. Berkenaan tuduhan Morteza bahawa dadah tersebut diletakkan oleh pihak kastam ke dalam bagasinya, ini dapatan hakim bicara:

“To me the allegation of the 1st accused that the custom officer planted the incriminating items in the bag were absurd and illogical. SP2 was not alone when doing the search and I was satisfied that during the search both the accused were present. The 2nd accused feigning ignorance of the search was also not true.

There was also no evidence of any animosity between the customs officer and both the accused to prompt them to plant drugs on the accused. This whole defence of laying the blame on the customs officer was an afterthought. None of the customs officers were confronted with this allegation that they had planted the drugs on the accused.”

[11] Dalam membuat dapatan di atas, hakim bicara berpandu kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 MLJ 151 di mana Zaki Azmi KHN dalam penghakimannya berkata:



“In our adversarial system of justice, the duty of each party is to show that his case is the truth. This is done by him adducing his own witnesses to support his contention. When it is the plaintiff or prosecutor who is adducing the evidence, his witnesses are subject to cross-examination by the defence or the accused person. When a prosecution witness makes a statement of fact which is disagreed to by the defence it becomes the defence duty to, in whatever way, put to the plaintiff or prosecution witness that what the witness has said is not true. In addition, he could also use the plaintiff’s or prosecution’s witnesses to adduce evidence to support his defence and to indicate what his defence is. This he is required to do to enable the plaintiff or prosecution to bring out evidence to disprove what the defence intends to adduce. If the defence does not in any way indicate by cross-examination of those facts, those statements made by the plaintiff’s or prosecution’s witnesses must be accepted as true. Even if the plaintiff’s or prosecution’s witness does not say anything relating to the defence case, it is still the duty of the defence to bring out his case during the plaintiff’s or prosecution’s case. In fact this duty to disclose his defence during the prosecution’s case is more relevant in criminal cases than in civil. This is particularly so when the plaintiff or prosecution’s witness is relevant to the fact in issue. In criminal cases, the prosecution does not know what the defence is going to be, except in alibi, until the defence adduces its evidence.”

[12] Berhubung dengan pembelaan Somayeh yang dia tidak tahu menahu tentang dadah yang dijumpai di dalam bagasinya, hakim bicara menolaknya atas alasan berikut:

“I also disbelieved the evidence of the 2nd accused that she had no knowledge of the items found in the bags. Surely her own



item of clothing could not have been possibly put in by the 1st accused.”

[13] Pada keseluruhannya hakim bicara mendapati bahawa pembelaan kedua-dua perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Beliau secara spesifik membuat dapatan bahawa saksi-saksi pihak pendakwaan adalah saksi-saksi yang jujur berbanding dengan kedua-dua perayu.

[14] Pada pendapat kami hakim bicara tidak khilaf apabila mendapati bahawa pembelaan kedua-dua perayu adalah penafian semata-mata. Dalam hubungan ini petikan berikut dalam penghakiman mahkamah ini dalam kes *Mr Losali v. PP* [2011] 4 MLJ 694 adalah berkaitan:

“[53] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. It is trite law that the defence of bare denial is no defence. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to take.

[54] The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges. Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Majesty then was) in *D.A. Duncan v. Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, had this to say in regard to the defence of simple denial:

“The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.”



[15] Di hadapan kami, kedua-dua perayu mempertikaikan sabitan mereka. Ketidakpuasan hati Morteza dizahirkan seperti berikut:

- (1) “The learned Trial Judge erred in law and fact in ruling that the prosecution had succeeded in proving the charge against the Appellant on a *prima facie* basis despite not having made any affirmative finding of possession at the end of the prosecution case.”
- (2) “The learned Trial Judge erred in law and fact in failing to make any specific finding that the Appellant had committed any of the acts which constitute trafficking under section 2 of the Dangerous Drugs Act 1952.”
- (3) “The learned Trial Judge erred in law and fact in ruling that the prosecution has established a *prima facie* case against the Appellant despite not making any finding that the Appellant trafficked in dangerous drugs as defined under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952.”

[16] Bagi Somayeh pula, asas rayuannya adalah seperti berikut:

- (a) “The Second Appellant had no custody and control of the luggages (Exhibit P26 & P49”).
- (b) “The Second Appellant had no knowledge as to the actual contents of the luggages (Exhibits P26 & P49”).
- (c) “The manner which the drugs had been concealed is not sufficient to support the inference of adverse knowledge *vis a vis* the Second Appellant since she did not put the items into the luggages”.



- (d) “Common intention under section 34 of the Penal Code did not arise as there was insufficient evidence to prove any pre-arranged or pre-concerted plan”.

[17] Dengan hormat kepada peguam-peguam perayu, kami tidak mendapati sebarang merit dalam mana-mana alasan rayuan yang dikemukakan itu. Pada dasarnya ke semua alasan-alasan itu melibatkan isu fakta dan bukan isu undang-undang. Persoalan-persoalan fakta seperti ini hendaklah diserahkan kepada hakim bicara untuk menentukannya.

[18] Prinsip undang-undang adalah jelas dan mantap, iaitu sesuatu mahkamah rayuan tidak akan sewenang-wenangnya mengganggu dapatan-dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara kecuali boleh ditunjukkan bahawa dapatan-dapatan itu adalah “perverse” atau tidak disokong oleh keterangan.

[19] Dalam kes ini, hakim bicara berhak membuat dapatan-dapatan fakta berkenaan, terutamanya isu pemilikan dan niat bersama, kerana sememangnya terdapat keterangan di hadapan beliau untuk menyokong dapatan-dapatan tersebut. Maka dengan itu adalah tidak wajar dari segi prinsipnya untuk kami mengganggu dapatan-dapatan tersebut.

[20] Jika sekalipun hakim bicara telah melakukan kekhilafan, kekhilafan itu adalah kekhilafan yang memihak kepada kedua-dua perayu. Ini kerana walaupun anggapan mengedar dibawah seksyen 37(da)(xvi) ADB terpakai terhadap kedua-dua perayu (atas dapatan hakim bicara bahawa kedua-dua perayu mempunyai milikan dan niat bersama), hakim bicara gagal membuat dapatan samada mereka telah berjaya menyangkal anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian. Ujian keraguan munasabah yang digunakan oleh hakim bicara adalah tidak betul kerana tahap pembuktian dimana anggapan statutori



terpakai ialah atas imbangan kebarangkalian dan bukannya setakat menimbulkan keraguan munasabah.

[21] Atas alasan-alasan di atas, rayuan kedua-dua perayu hendaklah ditolak. Kami berpuas hati bahawa sabitan kedua-dua perayu adalah betul dan selamat.

(ABDUL RAHMAN SEBLI)

Hakim

Mahkamah Rayuan Malaysia

Bertarikh: 14 FEBRUARI 2017

KAUNSEL:

Bagi pihak perayu pertama - Kitson Foong & Chew Jeesan; T/n Kit & Associates.

Bagi pihak perayu kedua - N Sivananthan, Low Huey Theng dan Darsheni Kumar; T/n Sivananthan.

Bagi pihak responden - Jean Sharmila Jesudason, TPR; Jabatan Peguam Negara.

Kes-kes yang dirujuk:

Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 MLJ 151

Mr Losali v. PP [2011] 4 MLJ 694

Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37(da)(xvi)